

Presma beri jaminan harga roti canai, teh tarik tidak naik

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM - Penggemar roti canai dan teh tarik khususnya di restoran mamak tidak perlu gusar apabila tiada sebarang kenaikan harga akan dilakukan meskipun berlaku kenaikan kos terutamanya tepung gandum.

Jaminan itu diberikan Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan dengan roti canai dan teh tarik disifatkan sebagai sajian ruji kepada penduduk negara ini.

Katanya, pihaknya yang mempunyai lebih 9,000 ahli akan menyeras segala kos kenaikan itu demi kepuasan pelanggan.

"Memang kenaikan berlaku bukan sahaja tepung, malah mi-

nyak, marjerin. Namun roti canai dan teh tarik makanan ruji kebanyakan penduduk negara ini, justeru kita memberikan jaminan tiada kenaikan harga.

"Kita akan cuba bertahan dan baru-baru ini saya ada berjumpa dengan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Azman Mohd. Yusof berhubung perkara itu," katanya ketika dihubungi Kosmo/baru-baru ini.

Beliau turut memberi jaminan pihaknya tidak akan mengecutkan doh roti canai tersebut.

Jelasnya, kenaikan harga bahan mentah itu masih dianggap minimum, namun yang menjadi masalah utama kepada Presma adalah kekurangan pekerja yang menyebabkan lebih 2,000


restoran terpaksa gulung tikar.

"Sebelum ini, kita ada lebih 12,000 pekerja, namun kini tinggal 9,000 sahaja dan mungkin selepas ini akan ada lagi gulung tikar.

"Mungkin, ramai mempunyai pengalaman ini apabila berlaku kelewatan dari segi perkhidmatan dan semuanya disebabkan tiada pekerja," katanya.

Justeru, beliau berharap Kementerian Sumber Manusia (KSM) khususnya akan memudahkannya pengambil tenaga kerja bagi memastikan kelangsungan perniagaan restoran mamak.

"KSM memaklumkan akan datang dari tahun lalu lagi dan kami seperti menunggu buah tidak gugur. Sudah-goncang, goyang pokok pun buah tidak jatuh. Tiada jalan penyelesaian," ujarnya.



JAWAHAR ALI (kiri) semasa bertemu Azman (dua dari kiri) baru-baru ini.